

## Ijazah 'penawar' barah usus tahap 3



**SEGETIR MANA IJAZAH BERJAYA DICAPAI:** Cik Rohani As'ad ibarat bermimpi ketika berupaya menggenggam ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan baru-baru ini selepas lulus tempoh mencabar mudah lupa, senang penat dan serba resah dek kesan barah usus yang dialami. Dua tahun lalu, beliau disahkan bebas barah. – Foto SUSS

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

MEMBURU ilmu ibarat penawar yang mendesak Cik Rohani As'ad untuk tumpukan mindanya pada usaha mempertingkatkan diri di sebalik kelelahan yang pernah dihadapi selaku pesakit barah usus tahap ketiga.

Sejak dikesan menghidap penyakit kronik itu pada 2014 sewaktu beliau baru sahaja mengambil kursus diploma perniagaan di Politeknik Singapura (SP), Cik Rohani diuji dengan bermacam kesan sampingan rawatan yang dijalaninya.

Beliau mudah penat, sukar bernafas, sering lupa dan turut dilanda serangan panik yang membuatnya serba kesusahan. Keadaan ini berlarutan ketika beliau mengambil kepu-

tusan menyambung pengajiannya ke universiti secara sambilan.

Namun, berkat kesabaran dan kecekalannya, suri rumah yang kini berusia 50 tahun baru-baru ini menggenggam ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Ia merupakan detik yang membanggakan buat Cik Rohani yang juga disahkan bebas daripada penyakit barah usus ini dua tahun lalu.

Keyakinan dirinya bahawa badai hidup yang dilalui boleh diatasi adalah setelah melihat suaminya, Encik Muhamed Sharif Muhamed, 48 tahun, seorang penyelia bangunan kondominium, juga mampu melawan penyakit leukemia.

**Laporan lanjut di Muka 6.**

## RENCANA

Mencecah usia Jubli Emas atau 50-an tahun dengan menggenggam segulung ijazah merupakan satu pencapaian buat dua wanita bersemangat cekal ini. Jika yang seorang mengharungi keperitan penyakit barah tetapi tidak pernah lelah menimba ilmu, yang seorang pula menerima Anugerah Pelajar Terbaik seperti anak sulungnya yang juga tamat pengajian di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS). **BERITA HARIAN** melaporkan.

# Genggam ijazah pada usia 50 tahun, lepas lawan barah usus

HARYANI ISMAIL  
haryani@sph.com.sg

KELELAHAN tubuh dan kepayahan bernafas sering melanda Cik Rohani As'ad dek kesan penyakit barah usus tahap ketiga yang dikesan doktor sejak beliau menuntut di Politeknik Singapura (SP) pada 2014.

Keclaruan minda sesudah rawatan kemoterapi yang membuatnya mudah terlupa, serba resah dan panik turut menjejaskan interaksi dengan orang sekeliling termasuk penyarah dan rakan sekuliah.

Namun, jerih payah yang diharungi untuk menaiktarafkan kelulusannya yang awalnya setakat Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O' ke peringkat diploma perniagaan dan selanjutnya ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) ternyata berbaloi.

Ilmu pengetahuan malahan bak penawar yang mengembalikan fokusnya untuk mengingati fakta walau seperti mana pun.

Pada usia 50 tahun, Cik Rohani, suri rumah yang mengambil masa lima tahun setengah untuk tamatkan pengajian ijazahnya akui menikmati kemanisan daripada ujian kehidupan apabila tamat pengajian di SUSS baru-baru ini.

Sekitar dua tahun lalu juga, beliau disahkan bebas barah oleh pakar onkologi di Pusat Barah Kebangsaan Singapura (NCSS).

Kecekalannya juga terbukti kerana sebelum dikesan menghidap barah, Cik Rohani juga menjaga suaminya, Encik Muhamed Sharif Muhamed, 48 tahun, penyelia bangunan kondominium, yang pernah menghidap leukemia dan sudah pulih.

Ketika dihubungi *Berita Harian*, Cik Rohani yang sebelum ini pernah bertugas

“Awalnya, memang saya tertanya-tanya mengapa saya? Tapi saya ubah pemikiran negatif itu kepada yang lebih positif. Saya reda dan tahu ada sebab Allah uji saya dan simpan kemanisan untuk saya nikmati pada akhirnya. Semasa masuk SUSS, badan saya belum kuat daripada pembedahan yang dilalui. Tapi saya tak nak anggap pengajian ini sebagai satu beban atau mudah putus asa. Saya berehat enam bulan daripada pengajian kerana tertekan tetapi sambung balik demi cita-cita.”

– Cik Rohani As'ad.

dalam bidang perakaunan dan selaku penolong guru berkata:

“Saya bagaikan mimpi dan macam tak sangka ijazah ini dalam genggam saya.

“Walhal dahulu saya cari kerja di SP tetapi pengurus di situ sarankan saya lanjutkan sahaja pelajaran. Kerja tak dapat tetapi peluang ambil diploma pula terbuka.

“Sewaktu di politeknik, saya dikesan dengan penyakit barah usus sampai apabila doktor menjelaskan, saya tak terkata-kata... minda kosong sahaja. Antara tandanya saya senang penat, perut teramat sakit dan suhu badan turun mendadak sampai dinginnya ibarat boleh buat badan membeku.

“Awalnya, memang saya tertanya-tanya mengapa saya? Tapi saya ubah pemikiran negatif itu kepada yang lebih positif. Saya reda dan tahu ada sebab Allah uji saya dan simpan kemanisan untuk saya nikmati pada akhirnya.

“Semasa masuk SUSS, badan saya be-

lum kuat daripada pembedahan yang dilalui. Tapi saya tak nak anggap pengajian ini sebagai satu beban atau mudah putus asa. Saya berehat enam bulan daripada pengajian kerana tertekan tetapi sambung balik demi cita-cita.”

Beliau masih ingat serangan panik yang melandanya sehingga tidak mampu duduk diam sebelum peperiksaan dimulakan di bilik pengasingan yang disediakan untuknya dan mahasiswa lain yang berpenyakit.

“Sebab makan masa nak hadam maklumat dan ‘mulakan enjin’ untuk menulis jawapan peperiksaan, itulah yang buat saya resah.

“Tapi di bilik pengasingan inilah saya buat kawan, antaranya seorang wanita muda yang berpenyakit barah sejak sekolah rendah.

“Dari situ saya dapat inspirasi dan motivasi untuk mengenali diri saya dan kemampuan diri saya sendiri serta penyakit barah



**KEMANISAN BURU ILMU:** Cik Rohani As'ad (dua dari kanan) mengecapi jaya menggenggam segulung ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Perniagaan daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) baru-baru ini. Bersamanya (dari kiri) Presiden SUSS, Prof. Cheong Hee Kiat; adik Cik Rohani, Encik Muhammad Farid; suaminya Encik Muhamed Sharif dan Canselor SUSS (kanan), Encik Stephen Lee. – Foto ihsan ROHANI AS'AD



**TEMAN PEMBERI SEMANGAT:** Cik Rohani As'ad membuat persembahan bersama rakan kelab muzik Recital of Joy (ROJ) dalam satu acara meraikan tamat pengajian. – Foto SUSS

yang dialami – bagaimana nak pertingkatkan fokus untuk selesaikan peperiksaan pada waktu yang diberi,” tambahnya.

Suaminya Encik Muhamed Sharif amat memahami tuntutannya sebagai mahasiswa dan sering memberi dorongan.

“Beliau faham keadaan saya yang perlu luangkan masa untuk sesi perbincangan dengan teman-teman. Sebagai bekas pesakit leukemia, beliau juga akur saya mudah penat dan lupa. Kadangkala tak boleh terlalu teruja atau marah sebab ini pun boleh bawa serangan panik dan kegelisahan.

“Memang kami berdua harus tambah kecekalan dan jaga makan demi kesihatan,” jelasnya.

Berselawat menjadi teman setiap kali

Cik Rohani payah bernafas seperti dalam satu peristiwa dalam perjalanan MRT ke Pusat HarbourFront untuk ke Sentosa bagi satu majlis meraikan tamat pengajian, di mana beliau menyanyi dan juga perlu memberi ucapan.

“Dahlah pakai pelitup, dapat serangan panik pula dan susah bernafas. Tak tahu apa nak buat dan saya terus berselawat sampai lega. Dalam fikiran, saya tak nak kecewaan teman-teman kelab muzik Recital of Joy (ROJ) yang gigih berlatih.

“Dalam keadaan saya sakit, saya memang tak nak susahkan orang tetapi alhamdulillah, Allah datangkan orang yang baik-baik untuk beri saya perangsang,” jelasnya yang kini meski sudah bebas barah, mengalami alahan kulit dan masalah gigi sebagai kesan pasca penyakit kronik itu.

## Ibu tawan menara gading bersama dua anak

MINAT meneruskan pengajian ke peringkat universiti sudah sekian lama tertanam dalam jiwa Cik Adlin Sandhora Bahar sejak tamat pendidikan di Maktab Rendah Anglo-Chinese (ACJC) lebih tiga dekad lalu.

Bagaimanapun, kesukaran mendapat tempat kerana saingan sengit di universiti setempat dan kemudian kesibukan dan komitmen bergelar isteri dan ibu menjadi hambatan untuk kakitangan awam ini memburu cita-citanya.

Cik Adlin, kini 51 tahun, pernah diterima masuk ke universiti terbuka sewaktu bergelar ibu seorang anak.

Ibunya pula menasihatinya agar fokus menjaga anak sulung daripada kembali berkuliah.

Sungguhpun begitu, usia dan masa yang bergerak pantas bukanlah penghalang bagi ibu empat anak antara 18 dengan 29 tahun itu mengejar aspirasinya.

Beliau kembali berkuliah dalam kursus Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu serentak dengan anak sulungnya Encik Raiyan Diny Safaruan, 29 tahun, yang mengambil kursus Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Kerja lima tahun berbaloi apabila ibu dan anak ini menerima anugerah pelajar cemerlang kursus sambilan masing-masing pada konvokesyen baru-baru ini.

Cik Adlin adalah penerima Anugerah Emas Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM) manakala Encik Raiyan pula penerima Anugerah Pencapaian The Write Connection.

Anak kedua Cik Adlin, Cik Lydia Safrina, 24 tahun, juga tamat pengajian Sarjana Muda Sains (Kepujian) Terapi Pekerjaan daripada Institut Teknologi Singapura (SIT) tahun ini.

Kedua Encik Raiyan dan Cik Lydia adalah karyawan di sektor jagaan kesihatan.

Ketika dihubungi *Berita Harian*, Cik Adlin berkata: “Saya sering membaca laporan *Berita Harian* mengenai pekerja dewasa yang lebih berusia daripada saya tetapi masih cekal dan bersemangat memburu ilmu. Kalau mereka boleh, mengapa saya tak boleh?”

“Saya ketepikan suara-suara yang bertanya apa manfaatnya bersusah-payah belajar pada usia lanjut. Kalau masa muda dulu ada sahaja halangan, sekarang saya memburu ilmu dengan niat memperkasa minat saya terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu.

“Seronok menelaah tentang sastera kanak-kanak dan dunia perfileman Melayu klasik pada zaman P. Ramlee. Saya dapat rakan belajar sebaya anak-anak



**ANAKKU TEMAN BELAJAR:** Cik Adlin Sandhora Bahar (tengah) dan dua anaknya, Encik Raiyan Diny Safaruan (kiri) dan Cik Lydia Safrina, menerima ijazah sarjana muda masing-masing tahun ini. Cik Adlin adalah pelajar terbaik kursus bahasa dan kesusasteraan Melayu manakala Encik Raiyan cemerlang dalam kursus bahasa dan kesusasteraan Inggeris. Cik Lydia lulus terapi pekerjaan. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

saya yang banyak memberi galakan. Sebilangannya dalam sektor pendidikan.”

Encik Raiyan yang lebih tertarik pada mata pelajaran sains dan matematik sebelum ini pula memilih bahasa dan sastera Inggeris kerana suka membaca buku sastera dan cereka Inggeris pada masa lapangnya.

“Saya memang tak rancang nak belajar sama-sama dan masuk universiti dengan ibu saya. Semua berlaku secara tidak diduga termasuk dapat ijazah pada hari yang sama.

“Kepuasan bagi saya adalah dapat menyelongkar

maksud tersirat dalam teks sastera. Sebelum ini, saya setakat baca buku tetapi tidak faham tentang misi atau konteks tertentu mengapa sesebuah karya dihasilkan – apa latar belakangnya atau peristiwa sebenar yang mencetus ilham buat si penulis.

“Alhamdulillah, kerana saya sudah bekerja, saya mampu biaya sendiri pengajian saya ini tanpa menyusahkan ibu saya. Saya juga galakkan ibu memburu cita-citanya dan memberinya jaminan saya dan adik-adik akan menyokongnya. Ibu pernah berkorban cita-citanya untuk menjaga kami. Ini masa beliau teruskan misinya belajar sepanjang hayat,” katanya yang memil-

### APA KATA IBU

“Saya ketepikan suara-suara yang bertanya apa manfaatnya bersusah-payah belajar pada usia lanjut. Kalau masa muda dulu ada sahaja halangan, sekarang saya memburu ilmu dengan niat memperkasa minat saya terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu.”

– Cik Adlin Sandhora Bahar.

### APA KATA ANAK

“Memang mencabar memutuskan untuk kami semua belajar serentak sebab urusan kewangan. Tapi saya selalu beritahu ibu tak usah stres. Kami boleh membantunya dalam aspek teknologi. Jangan takut mencuba.”

– Cik Lydia Safrina.

iki Diploma Kebersihan dan Terapi Pergiagan daripada Politeknik Nanyang (NYP).

Cik Lydia yang memiliki Diploma Sains Farmaseutikal daripada Politeknik Nanyang (NYP) pula berkata: “Saya memang minat bidang pemulihan atau terapi dan ubat-ubatan serta mengusahakan cara membantu pesakit melakukan semula kerja-kerja harian. Ada banyak program bekerja sambil belajar di hospital yang silih-berganti ketika di SIT meliputi aspek kesihatan mental.

“Memang mencabar memutuskan untuk kami semua belajar serentak sebab urusan kewangan. Tapi saya selalu beritahu ibu tak usah stres. Kami boleh membantunya dalam aspek teknologi. Jangan takut mencuba.” – HARYANI ISMAIL